



Khalifa Khaja  
Nasrullah Shah  
Haji Abdul Rahim  
Bin Gulam Kader

## DOA PELINDUNG ANGIN AHMAR

### SUPPLICATION FOR PROTECTION FROM STROKE

#### KISAH ANGIN AHMAR

Pada satu ketika semasa Nabi Sulaiman A.S. di atas singgahsana kerajaannya di hadapan manusia, jin dan juga binatang, ia merasai bahawa ia berkuasa memerintah semua makhluk Allah di dunia ini. Dalam keadaan demikian itu, tiba-tiba datang satu Lembaga yang besar lagi dasyat rupanya. Nabi Sulaiman merasa takut dan gementar melihatnya. Lalu ia bertanya siapakah sebenarnya, Lembaga itu dan apakah tujuan kedadangannya. Lembaga itu menjawab, ia bernama " Rihul Ahmar". Satu penyakit yang merbahaya diantara lain-lain penyakit. Allah mencipta dirinya,

sedemikian rupa dan diberi kuasa mendatangkan kesakitan kepada anak-anak Adam. Ia boleh meresap di tubuh manusia seperti darah mengalir di dalam urat saraf. Tatkala Allah hendak memberi azab kepada sesiapa yang dikehendakiNya ia memberi kuasa kepadanya supaya masuk ke dalam badan. Jika ia masuk ke dalam otak hilanglah akal seseorang itu. Kalau ia masuk menerusi hidung maka akan lahir penyakit bengkak-bengkak, sembam dan sehingga binasalah keseluruhan anggotanya.Mendengar itu Nabi Sulaiman memerintahkan mereka yang berada di sekelilingnya membunuh dan membakar Lembaga itu. Rihul Ahmar menjawab bahawa tidak ada seorangpun yang dapat menghalangnya berbuat demikian kerana Allah telah menjadikannya sedemikian rupa dan melanjutkan umurnya. Kemudian Lembaga itu pun ghaib hingga ke zaman Rasulullah SAW. Telah diriwayatkan bahawa cucu Rasulallah, Al-Hassan Bin Ali telah mengidap sakit rongga dan keluar darah daripada-nya. Apabila Rasulullah dan sahabat-sahabatnya menerima khabar tersebut Malaikat Jibrail pun datang dan memberitahu bahawa cucu baginda itu terkena sakit Rihul Ahmar. Bila ditanya tentang ubatnya, Malaikat Jibrail mengatakan ada, lalu ia ghaib sebentar kemudian datang kepada Rasulullah. Jibrail mengatakan bahawa Allah SWT mengurniakan satu hadiah doa yang mustajab kepada sesiapa yang membacanya satu kali seumur hidup-nya, Insyallah ia akan selamat daripada penyakit Rihul Ahmar.Rasulullah pun membacanya untuk cucunya. Tiba-tiba ia sembuh ketika itu juga dan bangun berdiri dalam keadaan yang cukup sihat. Rasulullah telah bersabda kepada sahabat-sahabatnya supaya mempelajari doa tersebut dan mengajarnya kepada umatnya yang lain supaya mereka mendapat manfaat serta terpelihara diri dari serangan penyakit Rihul Ahmar (Angin Ahmar). InsyAllah.

#### THE NARRATIVE OF THE SCARLET WIND (RIHUL AHMAR) - STROKE

Prophet Sulaiman AS was on his throne in his kingdom in the presence of men, jinn, and beasts, commanding them and felt that he had the power to rule all the creatures of God in this world. As such, suddenly appeared a large and seemingly enormous and huge entity which was nasty and terrifying which made Prophet Sulaiman AS afraid of. When asked who it was and purpose. It replied, its name as "Rihul Ahmar" or Scarlet Wind. A dangerous disease amongst many other diseases. God created it Himself, which was to inflict pain on the children of Adam. It can permeate the human body like blood which flows in nerves. When Allah intends to punish whom He wills, He gives him power to enter their bodies. If it enters the brain, one loses one's mind or control of all or some faculties. If it enters through the nose, then they will be afflicted with inflammation and swelling till death occurs. Hearing that, Prophet Sulaiman (AS) ordered those around him to kill and burn it. Rihul Ahmar replied that no one can stop it because Allah has given it powers that it cannot be extinguished. Thence, the entity disappeared and surfaced in the era of Rasulullah SAW again. It has been narrated that the grandson of Rasulullah, Sayidina Al-Hassan Bin Ali (RA) had contracted pain and bleeding. When Rasulullah and his companions were informed but had no clue of the disease, the Angel Jibrail came and told that his grandson was suffering from Rihul Ahmar. When asked about the affliction and its cure, the Angel Jibrail said there was, and vanished momentarily and returned. Jibrail AS says that Allah SWT has bestowed a miraculous (mustajab) gift in the form of a supplication. Rasulullah recited it on his grandson Sayidina Hassan (RA), and he recovered very soon to a healthy state. If anyone recites it even once in his lifetime, InsyAllah they shall be safe from Rihul Ahmar (stroke). Rasulullah taught the companions and that it be relayed to his ummah,to be protected from the Rihul Ahmar (Stroke). InsyAllah.

DOA PELINDUNG ANGIN AHMAR

# اللَّدْعَاءُ مِنَ الرِّيحِ الْأَحْمَرِ

SUPPLICATION FOR PROTECTION FROM STROKE (SCARLET WIND)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ。بِسْمِ اللَّهِ وَبِاللَّهِ وَمِنَ اللَّهِ وَعَلَى اللَّهِ  
وَفِي اللَّهِ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ。اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ  
بِكُلِّمَاتِكَ التَّامَّاتِ كُلُّهَا مِنَ الرِّيحِ الْأَحْمَرِ مِنَ الدَّاءِ الْأَكْبَرِ فِي نَفْسِ  
وَالرُّوحِ وَالدَّمِ وَاللَّحْمِ وَالجِلْدِ وَالْعُرُوقِ وَالْعَصْبِ سُبْحَانَكَ إِذَا  
قَضَيْتَ أَمْرًا فَإِنَّمَا تَقُولُ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ。اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ。  
اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا يَأْلَجُ فِي اللَّيْلِ وَمِنْ شَرِّ مَا يَأْلَجُ فِي النَّهَارِ  
مِنْ شَرِّ مَا تَهْبِطُ بِهِ الرِّيحُ。وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الصَّمَمِ وَالْبَكَمِ وَالْبَرَصِ  
وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَسَيِّءِ الْأَسْقَامِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ。وَصَلَّى  
اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِنَ الحَبِيبِ الْمَحْبُوبِ شَافِي الْعِلَلِ وَمُفْرِجِ  
الْكُوْبِ。وَعَلَى إِلَهِ وَصَاحِبِهِ وَسَلَّمَ。وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. آمِينٌ ۝

Bismillaa Hhirrahmaa Nir Raheem. BismillaaHhi WabillaaHhi WaminallaaHhi  
Wa ilallaahhi Wa `Alallaahhi Wafillaahhi Walaa Haula Wa Laa Quwwata illaa  
BillaaHhi `Aliyil `Azheem. Allaahhumma inni A`uudzubi Kalimaatika  
Taammaati KulliHhaa Minarreehil Ahmer Waminad Daa'il Akbar Finnafsi  
Warruuhi Waddami Wallahmi Wal Jildi Wal'uruuqi Wal`aswbi. Subhaanaka  
idzaa Qadhaita Amran. Fainnamaa Taquulu LaHhu Kun Fayukuun (AllaaHhu  
Akbar 3x) AllaaHhumma inni 'A`uudzubika Min Sharri Maa Yaliju Fil Laili  
Wamin Sharri Maa Yaliju Fin Nahaar, Wamin Sharri Maa TaHubbu  
Bihirreehu. Wa 'A`uudzubika Minass Samami Walbakami Walbarasi  
Waljunuuni Waljudzaami Wasaiyi Al 'Asqaami Birahmatika Yaa  
ArhamarRaahimeen, Wasallal LaaHhu `Alaa Saiyyidinaa Muhammadiinil  
Habibeel Mahbub Shaafil `ilali Wamufarrijil Kuruubi, Wa `Alaa AaliHhi  
WaswahbiHhi Wasallam. Walhamdu LillaaHhi Rabbil `Aalameen. Ameen.



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Dengan nama Allah dan dengan Allah dan daripada Allah dan kepada Allah, dan pada Allah dan tiada daya upaya melainkan dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Ya Allah! Sesungguhnya aku berlindung denganMu dan dengan kalimatMu yang sempurna daripada angin ahmar dan daripada penyakit yang besar di dalam jiwa dan roh, darah daging dan kulit, urat dan pembuluh. Maha Suci Engkau, apabila Engkau menentukan sesuatu, maka hanya Engkau berkata baginya 'Jadilah lalu jadilah dia Allah Maha Besar. Ya Allah! Bahwasanya aku berlindung denganMu dari segala kejahatan yang masuk ke dalam pada malam dan dari segala kejahatan yang masuk ke dalam pada siang dan dari kejahatan yang dihembuskan angin; dan aku berlindung denganMu dan penyakit tuli dan bisu, sopak, gila dan kecacatan dan dari segala penyakit yang buruk. Dengan belas kasihanMu, wahai Tuhan Yang Maha Penyayang. Dan selawatlah dan bertaslimlah atas junjungan kami Muhammad yang di cintai dan tercinta dan penawar dan penembus penyakit dan pada keluarga dan sahabatnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mentadbirkan alam semesta.

In the name of Allah, Most Gracious, Most Merciful. In the name of Allah and with Allah and from Allah and to Allah, and to Allah and there is no other power except with the help of Allah Most High and Most Mighty. O Allah! Verily I take refuge in Thee and in Thy perfect word from the Scarlet Wind (stroke) and from the severity of every disease of the body and soul, of the blood, of the flesh and skin, arteries, and veins. Glory be to You, when You decide something, then You just say, 'Be and it becomes' He Allah is Great. O Allah! I seek refuge in You from all the evil that goes into the night, from all the evil that goes on in the day and from the piercing wind and I seek refuge with You from deafness and dumbness, insanity, and paralysis and from all severe diseases. By Your Mercy, O Merciful and Beneficent, O Allah, send salutations upon our leader Muhammad, Beloved and loving Potent Healer and the reliever of distress, and peace be upon his family and companions. And all praises be to the Lord of the worlds.

## مَنْزِلٌ

### MANZIL

Faerah Membaca Doa Manzil: Doa Manzil adalah himpunan ayat-ayat dan surah-surah pendek dari Al-Quran (juga disebut sebagai Tiga Puluh Tiga Ayat) yang boleh diamalkan sebagai pelindung dan penawar, untuk kesejahteraan diri dan pelbagai keperluan dan lain2. Doa Manzil boleh digunakan untuk perlindungan dari kemudaratkan rohani dan jasmani yang merangkumi perlindungan (ruqya) daripada sihir hitam, jin, mata jahat, dan lain-lain. Ia adalah perlindungan daripada pelbagai kuasa yang berbahaya dan jahat. Doa ini adalah penawar yang kuat untuk sihir dan kesan jahat. Ia juga bermanfaat untuk menyembuhkan pelbagai penyakit. Susunan ini terkenal dengan sebutan Manzil. Dilaporkan dalam hadis, Nabi Muhammad SAW, bahawa baginda diserang oleh sihir. Namun, beliau membantalkan kesannya melalui pembacaan ayat-ayat Al-Quran. Dalam hadis disebut, adalah berbagai ayat-ayat Al-Qur'an untuk mencegah seseorang dari sihir dan juga untuk kemakmuran dan peningkatan umum bagi seorang Muslim yang taat. Maulana Mohammad Zakariya, adalah Shaykhul Hadis yang terkenal di India-Pakistan. Beliau telah menyusun ayat-ayat ini, yang telah digunakan oleh keluarganya sebagai penawar terhadap kuasa jahat dan sihir. Tujuan Manzil adalah untuk perlindungan dan keselamatan. Juga untuk orang yang menjadi mangsa tipu daya syaitan, atau dirasuk jin dan pelbagai kuasa jahat yang berbahaya. Ada sesetengah mungkin telah menjatuh sakit kerana akibat kesan berbahaya. Nazar iaitu mata jahat. Perkataan mata jahat berasal daripada perkataan Arab "al-ayn." Ia merujuk kepada mana seseorang membahayakan orang lain dengan matanya. Musuh boleh meresap dengan penglihatan dengan cemburu dan membuatnya sakit. Perbuatan ini susah untuk menyedari kesan bahawa diserang oleh mata jahat. Mata jahat adalah seperti panah yang asal dari mata roh seseorang yang cemburu untuk menyakitinya. Manzil boleh diamalkan untuk hajat lain juga. Seperti kelewatan dalam masalah perkahwinan atau masalah rumah tangga. Untuk mencegah, azimat malang atau mantera hitam yang dihantar oleh musuh yang boleh merosakkan peluang perkahwinan. Amalan Manzil untuk perlindungan dan keselamatan, sangat disyorkan kerana ia adalah kaedah yang memang menghasil kejayaan untuk lawan kuasa jahat dan menjauhkan diri dari kejahatan manusia.